

Bila Muktamar Agung Dewan Muslimat berlangsung di Dewan Bahasa

PAS TURUNKAN GAMBAR PM

UM 14 APR 1985

KUALA LUMPUR 13 April - Gambar-gambar Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam telah diturunkan dari dinding Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka di tingkat enam bangunan tersebut iaitu tempat berlangsungnya muktamar Dewan Muslimat hari ini.

Peristiwa tersebut berlaku apabila muktamar itu beberapa minit dimulakan sebelum jam 2.30 petang dan pemberita Utusan yang berada di luar Balai Seminar itu ternampak gambar itu sedang diturunkan oleh salah seorang ahli PAS.

Bagaimanapun, pemberita - pemberita dan jurugambar - jurugambar termasuk dari Utusan yang hendak membuat liputan muktamar itu tidak dibenarkan masuk sama sekali ke dalam balai itu tetapi dibenarkan menjadi pemerhati dan duduk di sebelah atas Balai Seminar.

Para pemberita dan pemerhati kecuali para perwakilan juga tidak dibenarkan sama sekali membawa masuk perakam kaset apabila membuat liputan Dewan Muslimat.

Pegawal - pegawal PAS yang menjaga pintu masuk Balai Seminar itu ketika ditemui enggan menjelaskan kenapa gambar Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri diturunkan dan kenapa para pemberita dan jurugambar lelaki tidak dibenarkan masuk.

"Kami telah mendapat arahan tidak membenarkan para pemberita masuk

mengikuti muktamar Dewan Muslimat," kata pengawal itu.

Menurut salah seorang ahli PAS yang ditemui, gambar-gambar itu diturunkan mungkin kerana takut meletakkan lambang PAS di balai itu.

Di Balai Budaya Dewan Bahasa dan Pustaka di mana berlangsungnya muktamar Dewan Ulama, para pemberita dan pemerhati tidak dibenarkan membuat sebarang rakaman semasa muktamar itu berjalan.

Sementara itu, Ketua Dewan Ulama PAS, Haji Nik Aziz Nik Mat berkata, Dewan Ulama telah memutuskan bahawa pilihanraya adalah harus bagi PAS menyertainya tetapi sentiasa mengkajinya dari masa ke semasa khususnya penyertaannya dalam pilihanraya.

Beliau menjawab soalan dari wakil PAS Pahang yang ingin tahu keputusan Dewan Ulama tentang pilihanraya yang sejak akhir-akhir ini ada yang mahu PAS mengkaji penyertaannya, semasa Dewan membincangkan laporan tahunan parti itu.

Berhubung masalah hukum mati syahid pula, beliau menarik perhatian bahawa satu kenyataan akan dikeluarkan beberapa hari

lagi oleh Dewan Ulama untuk menentukan hukum mati syahid.

Katanya, "mati syahid ada dua iaitu ada mati syahid di dunia dan ada mati syahid di akhirat."

Haji Hadi Awang yang juga salah seorang ahli jawatankuasa kerja Dewan Ulama telah ditanya mengenai pemergian Dewan Ulama ke Mekah dalam musim haji tidak lama dulu, oleh seorang ahli PAS.

Menjawab soalan tersebut beliau memberitahu anggota rombongan ulama telah diberi peluang untuk menyampaikan ceramah haji di Mekah, Mina bukan saja jemaah haji Malaysia yang menjadi ahli parti itu tetapi juga bukan ahli.

Menyentuh soalan dari wakil PAS Pahang terhadap takrif wang pertaruhan pilihanraya yang dikatakan judi, Haji Nik Aziz memberitahu, wang pertaruhan itu adalah terjemahan dari "deposit" (cagaran).

Dewan Ulama PAS juga telah memutuskan membawa usul mengasingkan pelajar lelaki dan perempuan dari semua peringkat di muktamar agung parti itu esok.